



HADIS
Jurnal Ilmiah Berwasit
 Artikel - Artikel Berorientasikan Kajian
 dan Penyelidikan Dalam Bidang Hadis

الحديث
 مجلة علمية محكمة تصنف سنوية
 تعنى بالبحوث والدراسات الحديثة



A Refereed Academic Journal in Hadith Studies

Published biannually by :

HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD)
 Selangor International Islamic University College (KUIS)
 Bandar Seri Putra, 43600, Bangi
 Selangor (Darul Ehsan) Malaysia

Tel: 03 - 8911 7000 Ext: 6129/6130. Fax: 03 - 8926 6279

Email: jurnalhadis@kuis.edu.my Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/

e - ISSN 2550 - 1585

HADITH DAN PERANANNYA SEBAGAI HUJAH DALAM IKHTIYAR AL-QIRA'AT

Fairuz A. Adi,¹ Adnan Mat Ali,¹ and Rosli Mokhtar²

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Faculty of Syariah & Jurisprudence, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: Rosli@kuis.edu.my

Correspondence Author: Muhammad Fairuz bin A. Adi. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: fairuz@kuis.edu.my.

Abstrak

Istilah “ikhtiyar al-qira’at” dalam perbahasan ilmu qira’at memberi maksud bacaan-bacaan qira’at yang telah dipilih oleh seorang ilmuwan qira’at (dikenali sebagai imam) dari sejumlah riwayat yang diterima dari guru-guru melalui proses talaqqi. Mereka menisbahkan ikhtiyar al-qira’at itu kepada diri mereka sendiri dan membacakannya kepada orang lain. Ikhtiyar al-qira’at adalah satu proses yang mempunyai syarat dan kaedah tertentu dan ia tidak dilakukan secara sembarangan, hadis nabi telah direkodkan oleh para ulama sebagai salah satu mekanisme dalam membantu ikhtiyar al-qira’at. Hadis dilihat menjalankan peranannya sebagai hujah kepada bacaan qira’at tertentu yang dipilih oleh seseorang imam untuk dinisbahkan kepada diri mereka. Penulisan ini memberi penjelasan terhadap peranan hadis nabi terhadap al-Quran dari satu sudut lain selain menjadi sumber penafsiran kepada kitab suci ini. Selain itu, penulisan ini juga akan menyentuh definisi istilah “ikhtiyar al-qira’at” serta kepentingan dalam periwayatan al-Quran. Metode kualitatif mendominasi penghasilan penulisan ini. Kajian ke atas kandungan karya yang berkaitan dengan periwayatan qira’at dikaji dan dianalisis agar penulisan ini mencapai objektif yang disasarkan. Kajian ini mendapati bahawa hadis nabi mempunyai peranan sebagai hujah utama dan hujah sampingan terhadap ikhtiyar al-qira’at. Diharapkan penulisan ini dilihat sebagai salah satu sumbangan kepada perkembangan ilmu al-Quran dan hadis serta memberi input baru kepada para pencinta ilmu.

Kata kunci: *al-Ikhtiyar, al-Qira'at, al-Quran, Riwayat, Imam, Hadis*

(HADITH AND ITS ROLE AS AN ARGUMENT IN IKHTIYAR AL-QIRA'AT)

Abstract

The term of "ikhtiyar al-qira'at" in the debate of qira'at (reading) sciences gives the meanings of qira'at which has been selected by qira'at scholars, known as Imam from various narrations received from the teachers through talaqqi process. They dispense the ikhtiyar al-qira'at to themselves and read it to others. Ikhtiyar al-qira'at is a process that has certain conditions and methods which is not done arbitrarily, the hadith of the Prophet has been recorded by scholars as one of the mechanisms in assisting the development of qira'at. The hadith is seen as carrying out its role as an argument to the particular qira'at chosen by an Imam to be dispensed to them. Hence, this article explains the role of hadith towards the Quran as one of the main source of interpretation to this holy book. In addition, this paper also touches the definition of the term "ikhtiyar al-qira'at" including its importance in Quranic narration. A qualitative method has dominated to the result of this article which related to the qira'at narration and had been analysed in order to achieve the targeted objectives. This study finds that the Prophetic hadith has a role as the arguments towards ikhtiyar al-qira'at. It is hoped that this result is seen as one of the contributions to the knowledge development of Quran and hadith and to spread new input in Qira'at field.

Keywords: *al-Ikhtiyar, al-Qira'at, al-Quran, Narration, Imam, hadith*

Received: November 15, 2017

Accepted: March 1, 2018

Online Published: June 30, 2018

1. Pendahuluan

Ikhtiyar al-qira'at merupakan istilah yang merujuk kepada satu disiplin ilmu di mana ia ditakrifkan sebagai satu pemilihan bacaan-bacaan tertentu untuk disandarkan kepada seorang ulama qiraat yang memenuhi syarat dalam ilmu periwayatan al-Quran (Falatah, 2000). Karya seperti *al-Nashr fi al-Qira'at* oleh Muhammad bin Muhammad ibn al-Jazari (w. 833 H.), *al-sab'ah* oleh Ahmad bin Musa ibn Mujahid (w. 324 H.), *al-Taysir* oleh Uthman bin Said al-Dani (w. 433 H.) merupakan antara contoh kitab-kitab yang khusus mengumpul dan merekodkan setiap *ikhtiyar* para imam qira'at.

Ikhtiyar para imam terhadap bacaan qira'at merupakan satu bentuk penjagaan lafaz al-Quran. Tanggungjawab menanggung bacaan qiraat merupakan satu perkara yang besar kerana bacaan qira'at yang diwarisi dari nabi Muhammad SAW jumlahnya sangat banyak. Maka, *ikhtiyar* merupakan salah satu bentuk penjagaan wahyu yang diilhamkan kepada para imam-imam yang dipilih oleh Allah SWT. Setiap imam qira'at mempunyai indentiti bacaan masing-masing. Sebagai contoh, imam Nafi' bin Abd. Rahman (w. 169 H.)

mempunyai bacaan yang berlainan pada lafaz-lafaz tertentu jika dibandingkan dengan imam A'sim bin Abu Najud (w. 127 H.). Imam Abdullah bin Kathir (w. 120 H.) pula mempunyai identiti tersendiri dalam melafazkan sebahagian dari ayat-ayat al-Quran (al-Hadi Qabah, 1999). Mereka mempunyai ikhtiyar masing-masing dalam meriwatkan bacaan al-Quran yang berbeza antara satu sama lain.

Ikhtiyar al-qira'at bukanlah satu proses yang dilakukan secara semberono tanpa apa-apa panduan dan syarat, para ulama *qira'at* telah menampilkan pelbagai kriteria dan sebab terhadap bacaan bagi setiap *ikhtiyar*. Antara kriteria yang menjadi pertimbangan ahli *qira'at* adalah kekuatan sesuatu bacaan dalam bahasa Arab, kewujudan tulisan sesuatu bacaan dalam mashaf saidina Usman RA, kedapatan hadis yang menunjukkan bacaan sesuatu *qira'at* dan lain-lain.

Penulisan ini menumpukan pada peranan hadis nabi sebagai salah satu kriteria yang digunakan oleh para ulama dalam *ikhtiyar al-qira'at*. Juga membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan *ikhtiyar* sebagai satu penerangan tambahan.

2. Definisi *Ikhtiyar* dari Sudut Bahasa dan Istilah Ilmu *Qira'at*

Perkataan *ikhtiyar* merupakan satu lafaz yang berasal dari bahasa Arab yang membawa maksud *al-istifa'* dan *al-intiqa* di mana keduanya membawa maksud '*pilihan*', kadangkala ia juga membawa maksud *al-tafdil*. Kalimah ini merupakan kata *masdar* kepada kata kerja *khumasi* (اختار). Dari segi penggunaan bahasa, kalimah *ikhtiyar* juga digunakan dengan maksud *ism maf'ul* (المختار) iaitu dengan maksud sesuatu yang dipilih dan *ism fa'il* dengan maksud yang utama (Falatah, 2000).

Dari sudut asal usul kalimah, perkataan (اختار) berasal dari kata akar (خ ي ر) yang bermaksud baik (العطف) dan cenderung (الميل). Perkataan *al-khayr* adalah berlawanan dengan *al-shar* (الشر) kerana setiap sesuatu cenderung mendekatinya dan suka kepadanya (Ahmad bin Faris, 1979). Al-Raghib pula menyatatakan *al-khayr* bermaksud sesuatu yang utama yang diistimewakan dengan sebab kebaikan (Al-Raghib, 1992).

Dengan makna-makna yang dibentangkan di atas maka kajian ini menyimpulkan bahawa kalimah *ikhtiyar* telah membawa dua makna iaitu dengan makna asal iaitu '*pilihan*' dan yang keduanya dengan makna '*sesuatu yang dipilih atau yang utama*'.

Secara umumnya, *ikhtiyar* dalam istilah ilmu qira'at memberi maksud bacaan yang menjadi pilihan di sisi ulama tertentu yang mana pilihan tersebut berbeza antara seorang ulama dengan yang lain berbeza menurut kaedah, hujah dan pertimbangan masing-masing. Definisi *ikhtiyar al-qira'at* yang boleh membawa pembaca kepada pemahaman yang baik terhadap istilah ini ialah apa yang disusun oleh al-Falatah (2000) di dalam penulisannya. Beliau mendefinisikan *ikhtiyar al-qira'at* sebagai:

“Pemilihan dan penyaringan bacaan-bacaan tertentu oleh seorang ahli qira'at yang dabit dan alim dalam bahasa Arab berdasarkan bacaan-bacaan yang beliau ambil dari guru-gurunya yang ramai dengan menggunakan cara-cara yang khusus dan ilat tertentu. Kemudian menyandarkan bacaan tersebut kepada dirinya”

Merujuk kepada pentakrifan yang diberikan di atas, kajian ini mendapati bahawa *ikhtiyar al-qira'at* merupakan satu proses penyaringan dan pemilihan riwayat oleh seorang ahli qira'at yang alim berdasarkan bacaan yang diambil dari guru-guru mereka yang ramai untuk dibacakan kepada generasi seterusnya kemudian menyandarkan bacaan tersebut kepada diri mereka. Ia seolah-olah satu kumpulan bacaan yang khusus untuk diri mereka dan dibacakan kepada orang lain.

Dalam perbincangan ilmu qira'at, didapati para pengkarya kitab-kitab *hujjah al-qiraat* menggunakan istilah-istilah dan kaedah *ikhtiyar* yang sama dengan ahli riwayat. Mereka ini memberi dalil dan hujah ke atas sesuatu bacaan dengan menggunakan hujah nahu, lafaz dan perkataan yang terdapat dalam syair, hadis dan lain-lain tetapi mereka ini tidak menyandarkan bacaan tersebut kepada mereka. Mereka juga kadangkala tidak membacakan atau meriwayatkan *ikhtiyar* tersebut kepada orang lain. Kerana niat mereka hanyalah menyatakan kekuatan sesuatu qira'at berdasarkan hujah yang mereka temui (al-Hadi Qabah, 1999).

3. Keahlian *Ikhtiyar*

Penguasaan ilmu qira'at yang jitu dari segi teori dan praktikal diperlukan bagi seseorang yang bergelar sebagai imam dalam bidang qiraat. Ini kerana qiraat yang disandarkan kepada diri mereka seterusnya membacakan qira'at tersebut kepada orang lain. Jika seseorang ulama itu tidak menguasai disiplin ilmu qira'at dengan baik sudah tentu bacaan yang menjadi *ikhtiyar* mereka menimbulkan masalah dalam bacaan seterusnya mempengaruhi makna ayat dan mengelirukan makna ayat tersebut. Sebagai contoh pada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 37:

فَتَلَقَّى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

Kemudian nabi Adam AS menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah SWT menerima taubatnya; Sesungguhnya Allah SWT, Dia lah yang maha pengampun (penerima taubat), lagi maha mengasihani.

Di dalam ayat di atas terdapat bacaan *qira'at* pada kalimah (ءادم) yang dibaca dengan baris *dammah* pada huruf *mim* sebagai *fa' il*, ia juga dibaca dengan baris *fathah* sebagai *maf' ul*. Manakala pada kalimah (كلمات) dibaca dengan baris *kasrah* pada huruf *ta'* yang berfungsi sebagai *maf' ul*, ia juga dibaca dengan bacaan *dammah* yang menunjukkan fungsi sebagai *fa' il*. Jika terdapat seorang ulama yang mendakwa sebagai ahli *ikhtiyar* memilih untuk membaca dengan *dammah* pada kedua-dua kalimah tersebut dalam masa sudah tentu akan mencacatkan makna ayat tersebut (al Jazari, 1999).

Di atas merupakan satu contoh mudah jika kepakaran sebagai ahli *ikhtiyar* tiada dalam diri seseorang untuk menjalankan *ikhtiyar al-qira'at*. Oleh itu kepakaran amat diperlukan dalam proses *ikhtiyar al-qira'at* di mana seseorang ulama itu perlu menguasai ilmu-ilmu berkaitan dengan bahasa Arab dan sebagainya. Penulis di sini menyimpulkan perbincangan daripada Falatah (2000) mengenai syarat-syarat asas untuk melayakkan seseorang itu bergelar ahli *al-ikhtiyar* adalah seperti di bawah:

- i. Seseorang itu mesti seorang ahli al-Quran yang pakar, mahir dengan kaedah asas *qira'at* dan perbezaan antara para ulama *qiraat*.
- ii. Bertalaqi dan mengambil riwayat *qira'at* dengan cara yang sahih serta mempunyai kemampuan memikul riwayat-riwayat tersebut.
- iii. Membawa dan menguasai riwayat-riwayat yang banyak yang membolehkan seseorang itu memilih *qira'at* yang bakal dibacakan kepada orang lain.

- iv. Seseorang itu hendaklah menguasai ilmu bahasa Arab supaya ia kenal kaedah-kaedah bacaan berpandukan kepada hujah bahasa dan lajhah.

Empat syarat yang disenaraikan di atas merupakan perkara yang perlu ada pada diri ulama ulama untuk melayakkan beliau digelar *ahlu al-ikhtiyar*. Imam Ibn al-Jazari dalam karya beliau *munjid al-muqri'in* memberi nasihat supaya umat Islam berhati-hati dalam mengambil sesuatu riwayat bacaan atau meriwayatkan sesuatu bacaan qira'at kerana kehilangan salah satu syarat di atas bakal memberi kesan yang tidak baik kepada bacaan al-Quran. al-Dani (1999) seorang ulama yang menjadi rujukan dalam bidang qira'at telah menyusun bait-bait syair yang mengandungi sebahagian syarat-syarat yang disenaraikan di atas. Beliau menyatakan:

وأهل الإختيار للحروف # والميز للسقيم والمعروف
 جماعة كلهم إمام # مقدم أولهم سلام
 كلهم اختار من الحروف # ما قد روى بالتوقيف
 عن النبي وعن الأسلاف # الناقلين أحرف الخلاف

Dan ahli ikhtiyar bagi huruf (bacaan qira'at) # Membezakan antara qiraat yang buruk dan yang baik.

Kesemua mereka itu adalah imam qira'at # Yang mendahului mereka adalah imam Sallam

Mereka memilih sebahagian dari huruf-huruf # Yang diriwayatkan melalui wahyu Dari nabi Muhammad SAW dan para ulama salaf # Mereka membawa qira'at yang mempunyai khilaf

Tidak semua ahli *ikhtiyar* yang telah melengkapinya syarat-syarat yang disebutkan di atas berjaya mengembangkan bacaan masing-masing. Ini berkemungkinan tidak ramai yang meriwayatkan bacaan mereka. Ahli *ikhtiyar* menempuhi pelbagai cabaran dalam mengembangkan bacaan masing-masing. Ada di antara mereka nama-namanya dan qira'at yang dibawa menjadi tumpuan manusia dan berjaya kekal hingga kini dan ada yang tidak.

4. Ahli *Ikhtiyar*

Sepertimana yang disebutkan dalam bahagian definisi kalimah *ikhtiyar*, maka kajian ini mendapati imam-imam qira'at yang sepuluh sudah tentu mempunyai kelayakan sebagai ahli *ikhtiyar* secara automatik. Lebih-lebih lagi, mereka telah pun diiktiraf oleh semua

ulama yang datang selepas mereka dan mereka menjadi rujukan utama dalam periwayatan bacaan qira'at. Imam yang dimaksudkan ialah seperti di bawah:

- i. Nafi' bin Abd. Rahman Bin Abu Nuaim al-Madani (w. 169 H.)
- ii. Abdullah bin Kathir bin Amru al-Makki (w. 120 H.)
- iii. Abu 'Amru Zabban bin al-Ala al-Basri (w. 154 H.)
- iv. Abdullah bin Amir bin Yazid al-Yahsabi (w. 118 H.)
- v. 'Asim bin Abdullah Abu al-Najud al-Kufi (w. 127H.)
- vi. Hamzah bin Habib bin Ammarah al-Zayyat al-Kufi (w. 156 H.)
- vii. Ali bin Hamzah bin Abdullah al-Kisaie al-Kufi (w. 189 H.)
- viii. Abu Ja'far Yazid bin Qa'qa al-Madani (w. 130 H.)
- ix. Ya'qub bin Ishaq bin Yazid al-Hadrami (w. 205 H.)
- x. Khalaf bin Hisham al-Bazzar al-Bahgdadi (w. 229 H.)

Di samping imam sepuluh yang di sebutkan di atas, terdapat ramai lagi ulama *ikhtiyar* yang telah menguasai syarat-syarat sebagai ahli *ikhtiyar*. Nama-nama mereka telah berjaya direkodkan dalam pelbagai karya berkenaan dengan biodata ulama qira'at.

Ibn al Jazari (1971) telah menyenaraikan lebih dari tiga ribu nama ulama *ikhtiyar* di dalam karya beliau *Ghayah Al- Nihayah Fi Tabaqat Al-Qurra'*. Sebagai satu pengenalan, penulis membawa sepuluh nama lain imam-imam yang telah membukukan *ikhtiyar* mereka dalam karya khusus. Imam-imam tersebut adalah seperti di bawah:

- i. Harun bin Musa al-Atki al-A'war (w. 200 H.)
- ii. Yahya bin al-Mubarak al-Yazidi (w. 202 H.)
- iii. Muhammad bin Sa'dan al-Kufi (w. 231 H.)
- iv. Abu Rabi' Sulaiman bin Daud al-Zahrani (w. 234 H.)
- v. Ahmad bin Yazid al-Hilwani (w. 250 H.)
- vi. Abu Ubaid al-Qasim bin Sallam (w. 224 H.)
- vii. Sahl bin Muhammad al-Sajistani (w. 255 H.)
- viii. Ismail bin Ishaqal-Qadhi al-Maliki (w. 272 H.)
- ix. Ahmad bin Yahya bin Yazid al-Syaibani (w. 291 H.)
- x. Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (w. 310 H.)

5. Hadis Dan Peranannya Sebagai Hujah dalam *Ikhtiyar* Para Imam

Hadis Nabi SAW bukanlah satu-satunya kaedah yang digunakan oleh para ilmuwan qira'at dalam memilih qira'at tertentu untuk mereka lazimi bacaan tersebut. Malah, di sana terdapat lapan jenis kaedah lain yang disebut ulama sebagai "*dawabit*" dalam *ikhtiyar al-qiraat*.

Penulisan ini hanya memfokuskan bagaimana hadis berperan dan memberi pengaruh kepada seseorang imam qira'at dalam memilih qira'at tertentu dan menyandarkan bacaan yang dipilih kepada diri mereka seterusnya membacakan *ikhtiyar* mereka kepada orang lain.

Menurut Falatah (2000) sebahagian ulama qira'at memilih wajah qiraat tertentu sebagai *ikhtiyar* mereka apabila di dalam hadis tersebut terdapat kalimah yang bertepatan dengan qira'at yang dipilih. contoh-contoh berkaitan kajian adalah seperti di bawah:

5.1 Perselisihan qira'at pada lafaz (واتخذوا)

Perselisihan qira'at ini dapat dilihat antaranya pada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 125:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمَّا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا
إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنَّ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian maqam Ibrahim tempat salat. Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: "Bersihkanlah rumah-Ku untuk orang-orang yang tawaf, yang iktikaf, yang rukuk dan yang sujud".

Lafaz di atas dibaca dengan dua cara bacaan iaitu dengan *fi'l al-amr* iaitu qira'at imam Nafi^c dan ibn^c Amir dan *fi'l al-madi* iaitu qira'at enam imam yang lain. Ibn Abi Maryam berhujah bahawa qira'at dengan *fi'l al-amr* menjadi *ikhtiyar* enam imam selain Nafi^c dan ibn^c Amir adalah kerana berdasarkan hadis dari saidina Umar al-Khattab RA. Ibn Abi Maryam (2001) menyatakan:

وقرأ الباقون بكسر الخاء على الأمر لما جاء في الأثر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أخذ بيد عمر فلما أتيا على المقام، قال عمر: أهذا مقام أبينا إبراهيم؟ قال صلى الله عليه وسلم: نعم، قال عمر: أفلا نتخذة مصلى؟ فأنزل الله تعالى (واتخذوا من مقام إبراهيم مصلى)

Bacaan imam qira'at yang lain dengan baris bawah pada huruf kha' yang menunjukkan makna perintah. Sepertimana yang terdapat dalam hadis Rasulullah SAW yang memegang tangan saidina Umar

RA ketika menghampiri maqam (nabi Ibrahim AS) berkata saidina Umar RA: adakah ini maqam bapa kita Ibrahim? Sabda nabi SAW: Ya. Berkata Umar: Bagaimana jika kita menjadikannya tempat solat? Maka Allah SWT menurunkan ayat:

(واَتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى)

Hadis Nabi SAW yang dimaksudkan oleh Ibn Abi Maryam (2001) adalah seperti di bawah:

حدثنا عمرو بن عون، قال: حدثنا هشيم، عن حميد، عن أنس بن مالك، قال: قال عمر بن الخطاب رضي الله عنه، " وافقت ربي في ثلاث: فقلت يا رسول الله، لو اتخذنا من مقام إبراهيم مصلى، فنزلت: { واتخذوا من مقام إبراهيم مصلى } وآية الحجاب، قلت: يا رسول الله، لو أمرت نساءك أن يحتجن، فإنه يكلمهن البر والفاجر، فنزلت آية الحجاب، واجتمع نساء النبي صلى الله عليه وسلم في الغيرة عليه، فقلت لمن: (عسى ربه إن طلقكن أن يبدله أزواجا خيرا منكن)، فنزلت هذه الآية.

(Al-Bukhari, *Kitab al-Solat, Bab Ma Ja'a fi al-Qiblat wa Man Lam al-I'adah A'la Man Saha fa Salli ila ghayr al-Qiblat*, Nombor hadis 402)

Maksudnya:

Telah meriwayatkan Amru bin Aun, berkata: Telah memberitahu kepada kami Hasyim daripada Hamid, daripada Anas bin Malik berkata: berkata Umar al-Khatab RA. Pandanganku telah berbetulan dengan wahyu tuhan dalam tiga perkara: Aku telah berkata wahai Rasulullah alangkah baik kita jadikan maqam Ibrahim sebagai tempat solat, lalu turun ayat al-Quran yang bermaksud: dan mereka telah menjadikan maqam Ibrahim sebagai musalla. Begitu juga dengan ayat hijab, aku berkata: Wahai Rasulullah alangkah baiknya jika engkau menyuruh isteri-isterimu berhijab kerana datang bertemu mereka orang yang baik dan orang yang jahat. Lalu turunnya ayat berkaitan hijab. Ketika berkumpulnya isteri-isteri nabi kerana cemburu terhadap baginda, aku berkata kepada mereka: Mudahhan tuhan Baginda menggantikan kepada Baginda dengan perempuan lain selain kamu dengan wanita yang lebih baik dari kamu. Lalu turunnya ayat serupa dengan kata-kata itu.

Hadis ini selain menceritakan ketepatan doa Saidina ʿUmar RA ia juga menjadi panduan kepada para *ahlu al-ikhtiyar* untuk

memilih bacaan mereka, kerana hadis di atas juga menunjukkan kalimah (واتخذوا) dibaca dengan lafaz perintah atau *fi'l al-amr*.

5.2 Perselisihan Qira'at Pada Lafaz (ويقتلون)

Perselisihan qira'at ini dapat dilihat antaranya dalam firman Allah SWT pada surah Ali Imran ayat 21:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّاتِ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan membunuh Nabi-nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang-orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil maka sampaikanlah berita yang menggembirakan mereka, dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Pada lafaz (ويقتلون) dalam ayat di atas, qira'at imam Hamzah bin Habib al-Kufi(w. 156) adalah menambah huruf *alif* selepas huruf *qaf* (ويقتالون) dan tujuh imam qira'at mutawatir yang lain membaca kalimah tersebut tanpa huruf *alif*. Ibn Abi Maryam (2001) menyatakan bacaan para imam selain imam Hamzah adalah disokong dengan satu hadis Rasulullah SAW. Kata ibn Abi Maryam:

ويؤيد هذا ما جاء في قصتهم أنهم قتلوا ثلاثة وأربعين نبيا من أول نهار في ساعة واحدة، فقام مائة وأثنا عشر رجلا من عبادهم، فأمرهم بالمعروف ونهواهم عن المنكر فقتلوه جميعا في آخر النهار.

Ini dikuatkan dengan kisah mereka (Bani Israil) yang membunuh empat puluh tiga orang nabi bermula pada permulaan hari dalam tempoh yang sekejap, selepas itu telah datang kepada mereka seratus dua belas orang lelaki ahli ibadah di kalangan mereka menyeru kepada kebaikan dan menghalang kemungkaran tetapi mereka (Bani Israil) membunuh mereka di waktu petang.

Ibn abi Maryam (2001) berhujah bahawa bacaan ini adalah bertepatan dengan lafaz sebelumnya iaitu (ويقتلون النبيين) dan ia juga

dikuatkan dengan satu hadis Nabi SAW dengan taraf yang daif yang diriwayatkan oleh imam al-Tabari (2000) dalam tafsirnya:

حدثني أبو عبيد الرضا بن محمد بن حفص قال، حدثنا ابن جُمير قال، حدثنا أبو الحسن مولى بني أسد، عن مكحول، عن قبيصة بن ذؤيب الخزاعي، عن أبي عبيدة بن الجراح قال: قلت: يا رسول الله، أئى الناس أشدّ عذابًا يوم القيامة؟ قال: "رجل قتل نبيًا، أو رجل أمر بالمنكر ونهى عن المعروف. ثم قرأ رسول الله صلى الله عليه وسلم: "إنّ الذين يكفرون بآيات الله ويقتلون النبيين بغير حق ويقتلون الذين يأمرون بالقسط من الناس " إلى أن انتهى إلى "وما لهم من ناصرين"، ثم قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: يا أبا عبيدة، قتلت بنو إسرائيل ثلاثة وأربعين نبيًا من أول النهار في ساعة واحدة! فقام مائة رجل واثنا عشر رجلا من عبّاد بني إسرائيل، فأمروا من قتلهم بالمعروف ونهواهم عن المنكر، فقتلوا جميعًا من آخر النهار في ذلك اليوم، وهم الذين ذكر الله عز وجل.

Abu Ubaidah bin al-Jarrah berkata: Aku bertanya wahai Rasulullah siapakah orang yang paling pedih azabnya di hari akhirat pada hari kiamat.? Jawab Baginda SAW: Orang yang membunuh para nabi atau orang yang menyeru kepada kebaikan dan menentang kemungkaran kemudian nabi membaca ayat al-Quran yang bermaksud: Sesungguhnya orang yang kufur dengan ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa kebenaran dan mereka membunuh orang-orang yang mengajak kepada keadilan di kalangan manusia sehingga akhir ayat. Kemudian Baginda SAW bersabda: Wahai Abu Ubaidah, Bani Israil telah membunuh empat puluh tiga orang nabi di suatu pagi, lalu bangun seratus dua belas orang di kalangan ahli ibadat yang bertindak menentang keadaan itu lalu mereka dibunuh kesemuanya pada waktu petang hari tersebut dan merekalah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam ayat tadi.

Qira'at (ويقتلون النبيين) dipilih sebagai bacaan tujuh imam qira'at kerana ia menepati lafaz yang terdapat dalam hadis di atas dan lebih menepati penceritaan dimana bukan sahaja para nabi dan ahli ibadat Bani Israil diperangi malah mereka turut dibunuh.

5.3 Perselisihan Qira'at Pada Lafaz (يورثها)

Perselisihan qira'at ini dapat dilihat antaranya dalam firman Allah SWT pada surah al-A'raf Ayat 128 :

قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اسْتَعِينُوا بِاللَّهِ وَأَصْبِرُوا إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ مِنْ
عِبَادِهِ ۗ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya:

(Pengikut-pengikut Nabi Musa merayu, lalu) Musa berkata kepada kaumnya: Mintalah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah, sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah, diwariskannya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.

Pada lafaz (يُورِثُهَا) dalam ayat di atas huruf *ta'* dibaca secara *tasydid* dan *tahkfif* (Ibn Khalawayh, 1979). Bacaan *tasydid* adalah kerana kalimah (ورث) memberi maksud pewarisan yang berterusan dan ia juga disebut di dalam hadis daif yang disandarkan kepada Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241 H.) dengan lafaz *tasydid*:

ذكر أحمد بن حنبل عن يزيد بن هارون عن حميد الطويل عن أنس بن مالك أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من عمل بما علم ورثه الله علم ما لم يعلم.

(al-Asfahani, 1996: 15)

Dari Anas bin Malik RA: Sesiapa yang beramal dengan satu ilmu yang dipelajarinya, maka akan mengurniakan satu ilmu yang belum diketahuinya.

Maka ikhtiyar qira'at dengan bacaan *tasydid* adalah lebih sesuai kerana makna ayat akan menjadi “Bumi ini akan sentiasa diwarisi kepada orang-orang terpilih di kalangan hamba-hamba Allah.”

5.4 Perselisihan Qira'at Pada Lafaz (الرياح)

Perselisihan qira'at ini dapat dilihat antaranya dalam firman Allah SWT pada surah al-Baqarah Ayat 164:

...وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ
دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لِآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya:

Dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupakan bumi sesudah mati (kering) -nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

Pada kalimah (الرياح) dalam ayat di atas, terdapat dua cara bacaan iaitu dengan lafaz (الرياح) dan lafaz *ifrad* iaitu (الريح). Menurut ibn Abi Maryam (2001) bacaan *qira'at* yang pertama lebih utama dari segi makna kerana ia bersesuaian dengan penceritaan dalam ayat di mana ayat ini menceritakan mengenai nikmat-nikmat Allah SWT yang dikurniakan ke atas manusia. *Ikhtiyar* imam-imam *qira'at* dengan bacaan (الرياح) dikuatkan dengan sebuah hadis nabi SAW dengan taraf *hasan li ghairih*:

حدثنا معاذ بن المثني، ثنا مسدد، ثنا خالد، عن حسين، ح، وحدثنا عمر بن حفص السدوسي، ثنا عاصم بن علي، ثنا أبي، عن أبي علي الرحي وهو الحسين بن قيس، عن عكرمة، عن ابن عباس، قال: كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا هاجت ريح استقبلها بوجهه، وجثا على ركبتيه، ومد يديه، وقال: اللهم إني أسألك خير هذه الرياح وخير ما أرسلت به، وأعوذ بك من شرها وشر ما أرسلت به، اللهم اجعلها رحمة ولا تجعلها عذابا، اللهم اجعلها رياحا ولا تجعلها ريحا .

(al-Tabrani, nombor hadis 11533)

Daripada Ibnu Abbas berkata: Bahawa nabi jika kuat angin bertiup maka baginda mendepainya dengan mukanya dan duduk di atas dua lututnya dan baginda akan menghulurkan kedua tangannya dan kemudian berkata: Ya Allah aku memohon kebaikan dari angin ini dan kebaikan dari apa yang engkau hantar melaluinya dan aku berlindung dari keburukannya dan keburukan yang engkau hantar melaluinya. Ya Allah jadikan ia sebagai rahmat dan janganlah engkau jadikannya sebagai azab dan jadikanlah ianya angin yang berguna dan jangan jadikan ia angin yang memusnahkan.

Hadis di atas bertindak sebagai penguat kepada qira'at dengan lafaz (الرياح), kerana hadis di atas difahami oleh ulama bahawa lafaz *jam* ' digunakan dengan makna angin yang berbentuk nikmat.

5.5 Khilaf *Qira'at* Pada Lafaz (بئيس)

Perselisihan qira'at ini dapat dilihat antaranya dalam firman Allah SWT pada surah Al-A'raf Ayat 165:

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ أَنجَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوءِ وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا
بِعَذَابٍ بَئِيسٍ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya:

Maka ketika mereka melupakan (tidak menghiraukan) apa yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan orang-orang yang melarang daripada perbuatan jahat itu dan Kami timpakan orang-orang yang zalim dengan azab seksa yang amat berat, disebabkan mereka berlaku fasik (derhaka).

Dalam ayat di atas terdapat perselisihan di antara para imam qira'at dalam melafazkan kalimah (بئيس). Bacaan yang disebut oleh ibn Abi Maryam (2001) dalam *al-Mudah* adalah tanpa huruf *hamzah* yang merupakan bacaan imam Nafi^c (بئيس). Menurut Ibn Abi Maryam lagi, qira'at (بئيس) mempunyai asas dalam kaedah bahasa Arab. Beliau menyatakan bacaan (بئيس) sebagai kata nama yang berasal menurut timbangan (فَعِل). Beliau menyatakan bacaan ini adalah berdasarkan lafaz dari potongan hadis Nabi SAW:

حدثنا يعقوب بن إبراهيم، حدثنا إسماعيل بن علي، حدثنا خالد الحذاء، عن ابن أشوع، عن الشعبي، حدثني كاتب المغيرة بن شعبة، قال: كتب معاوية إلى المغيرة بن شعبة: أن اكتب إلي بشيء سمعته من النبي صلى الله عليه وسلم، فكتب إليه: سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقول: " إن الله كره لكم ثلاثاً: قيل وقال، وإضاعة المال، وكثرة السؤال

(Al-Bukhari, 2002. Nombor hadis: 1477)

Juru tulis Mughirah bin Syu'bah berkata: Muawiyah telah menulis kepada Mughirah bin Syu'bah supaya beliau menulis sesuatu yang beliau dengar dari nabi SAW. Lalu dia pun menjawab: Aku mendengar Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT melarang kamu tiga perkara: banyak berdebat, menghabiskan masa, dan banyak bertanya.

Sebahagian ulama mentafsirkan kedudukan kalimah (قيل وقال) dalam potongan hadis di atas adalah dengan kedudukan kata nama sepertimana yang dikemukakan oleh imam Ibn Hajar (2001) dalam *Fath al-Bari*. Maka dengan itu bacaan (بيس) yang merupakan bacaan yang menjadi pilihan imam Nafi' bin Abd Rahman disokong dengan lafaz (قيل) yang serupa sepertimana terdapat dalam hadis di atas.

Lima bacaan qiraat yang disebutkan di atas merupakan antara contoh penggunaan hadis oleh ahli *ikhtiyar* atau imam qiraat dalam memilih bacaan qiraat tertentu sebelum mereka meriwayatkan dan membacakannya pada murid-murid mereka. Hadis nabawi dijadikan hujah sama ada dalam kategori hujah utama atau sokongan. Seperti yang diketahui periwayatan al-Quran mempunyai perbezaan dengan periwayatan hadis. Periwayatan hadis dengan cara memindahkan maknanya tanpa terikat dengan lafaz merupakan satu keringanan yang telah dibenarkan oleh Rasulullah SAW (Khairul Amin & Mohd. Norzi, 2012).

Al-Quran mesti diriwayatkan dengan lafaz sama seperti yang diucapkan oleh Rasulullah SAW tanpa sedikit pun perubahan. Proses *ikhtiyar* pula adalah pemilihan lafaz-lafaz tertentu berdasarkan apa yang dibacakan oleh Rasulullah SAW kepada Sahabat baginda untuk mereka lazimi bacaan tersebut dan ianya merupakan keringanan terhadap umat Islam dalam membacakan al-Quran dengan bacaan yang sesuai dengan lidah masing-masing.

6. Kesimpulan

Perkara yang dibincangkan di atas merupakan sebahagian contoh peranan hadis dalam *ikhtiyar al-qira'at* yang dibincangkan dalam sebahagian kitab periwayatan bacaan qira'at. Tidak semua *ahlu al-ikhtiyar* menggunakan hadis Nabi SAW dalam mengukuhkan hujah mereka terhadap *ikhtiyar* masing-masing dalam qira'at. Penggunaan hujah adalah berbeza antara satu imam dengan yang lain, kerana keutamaan dalam meriwayatkan bacaan *qira'at* adalah bergantung kepada kesahihan dalam sanad qira'at, menepati salah mushaf

Uthmani dan mempunyai wajah dalam bahasa Arab yang disebut sebagai rukun al-Quran. Penggunaan hujah-hujah tertentu dalam *ikhtiyar al-qira'at* termasuk hadis nabawi merupakan hujah pengukuhan untuk menyokong setiap *ikhtiyar* mereka tanpa menidakkan bacaan-bacaan lain yang bertaraf sahih. Ini berdasarkan hadis-hadis yang diketengahkan mempunyai pelbagai taraf dari segi kesahihan. Jika hadis menjadi hujah utama dalam *ikhtiyar* sudah tentu taraf kesahihan menjadi tumpuan utama oleh mereka. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa fungsi hadis dalam *ikhtiyar al-qira'at* para imam adalah terhad kepada hujah pengukuhan dalam memberi sebab kepada *ikhtiyar* mereka.

Semoga dengan terhasilnya penulisan ini dapat memberi pencerahan percambahan ilmu kepada para pembaca mengenai sebahagian manhaj para ulama qira'at dalam proses meriwayatkan bacaan al-Quran. Ia juga merupakan sebahagian jasa besar ulama qira'at dalam menjaga nas-nas al-Quran yang pasti dari Nabi Muhammad SAW sehingga dapat diguna pakai oleh para ulama untuk mentafsir serta mengeluarkan hukum-hukum dari ayat-ayatnya seterusnya dapat dibaca dengan hati yang tenang oleh umat Islam hingga kini.

RUJUKAN

- Ahmad bin Faris, Ibn. Faris. (1979). *Mu'jam al-Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Asfahani, Abu Nuaim. (1996). *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (2001). *Fath al-Bari*. Saudi Arabia: t.tp.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2002). *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Dani, Abu Amru. (1999). *Arjuzah al-Munabbah ala Asma al-Qurra wa al-Ruwah*. Mekkah: Dar al-Mughni.
- al-Hadi Qabah, A. H. (1999). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Raghib al-Asfahani, al-Husin bin Muhammad. (1412H). *al-Mufradat fi al-Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Subki, Abd Wahhab. (1964). *Tabaqat Syafiyyah al-Kubra*. Maktabah Halabi.

- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad. (1994). *al-Mu'jam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Falatah, Amin bin Idris bin Abd Rahman. (2000). *al-Ikhtiyar inda al-Qurra*. Mekkah: Jamiah umm al-Qurra.
- Ibn Abi Maryam, Nasr bin Ali (2001). *al-Mudah fi Wujuh al-Qiraat wa Ilaliha*. Kaherah: Maktabah al-Tauiah al-Islamiyyah.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. (1971). *Ghayah al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiah
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. (1999). *Munjid al-Muqri'in wa Mursyid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyah.
- Ibn Khalawayh, al-Husin bin Ahmad (1979). *al-Hujjah fi al-Qiraat al-Sab'*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Khairul Amin, M. Z. & Mohd. Norzi, N. (2012). Konsep dan Syarat terjemahan Hadith. *Journal Hadis*, Vol. 2, No. 3, hal. 55-70.
-

AUTHOR'S BIOGRAPHY

Muhammad Fairuz bin A. Adi, anak jati kelahiran Selangor. Memperoleh Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2014 dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah dengan tesis bertajuk *Metode Abu Jaafar al-Nahhas Terhadap Wujuh al-Qiraat Dalam Kitab I'rab al-Quran*. Beliau juga memegang dua sarjana muda dalam bidang al-Quran dan al-Qira'at iaitu Sarjana Muda Takhassus Qiraat dari Maahad Qira'at Khazindarah, Shoubra, Mesir pada tahun 2004 dan yang kedua Sarjana Muda pengajian Qira'at dan Ulum al-Quran pada tahun 2008. Selain itu beliau juga pemegang Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qira'at, Darul Quran JAKIM pada tahun 2001. Beliau banyak menulis kerta kerja dan dibentangkan di seminar-seminar kebangsaan dan antarabangsa. Penulisan beliau merangkumi bidang pengajian al-Quran, al-Qira'at dan *ulum al-Quran*. Kini bertugas di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS. Beliau boleh dihubungi pada alamat e-mel: fairuz@kuis.edu.my

